



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

STRATEGI DAN PERSEDIAAN PLUS MENGHADAPI 2.1 JUTA TRAFIK SEHARI KETIKA MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI

1. PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan 2.1 juta kenderaan sehari akan menggunakan semua rangkaian lebuhrayanya pada hari-hari puncak iaitu pada 5, 6, 9, 12, 13 dan 14 April 2024 bersempena dengan cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri. Angka trafik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 15% berbanding 1.82 juta trafik sehari pada hari-hari biasa.
2. PLUS menyediakan lebih daripada 4500 orang petugas dalam ekosistem lebuhrayanya sepanjang musim perayaan ini.
3. Pusat Pemantauan Trafik PLUS (TMC) PLUS mula beroperasi di Persada PLUS sejak November 2008. Pusat ini memainkan peranan penting sebagai nadi utama pemantauan trafik di rangkaian Lebuhraya PLUS beroperasi 24 jam sehari dan mengendalikan lebih daripada 1 juta panggilan setahun.
4. Sebagai persediaan, PLUS telah menugaskan seramai 70 orang kakitangan di TMC PLUS sehari pada waktu-waktu puncak untuk memantau, mengumpul dan menyalur maklumat trafik terkini serta menyelaras bantuan kepada pengguna lebuhraya.
5. Selain itu, TMC turut berfungsi menguruskan talian bantuan PLUSLine di 1800-88-0000, butang SOS daripada PUTRI Chatbot dan Aplikasi PLUS serta Telefon Kecemasan, menyelaras operasi pasukan PLUSRonda dan TMC dalam mengurus dan menghantar bantuan kepada pengguna lebuhraya.
6. TMC juga menguruskan Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) seperti Papan Tanda Elektronik (Variable Message Sign), Sistem Pengesan Kenderaan Secara Automatik (AVDS), Sistem Pengesan Kenderaan Melebihi Saiz (OSVD), Kamera Litar Tertutup (CCTV), Sistem Pengesan Kenderaan (GPS) dan Fleet Management System (FMS) untuk kenderaan PLUSRonda.
7. Bagi insiden kemalangan atau kerosakan di lebuhraya, TMC akan berhubung dengan pihak MERS 999, untuk bantuan Polis, Bomba, Ambulans, pihak berkuasa tempatan yang berkenaan untuk Pengurusan Hal Luar Jangka dan juga penyedia perkhidmatan tunda untuk mempercepatkan proses pengalihan kenderaan.

8. Para pengguna yang bercuti dan balik kampung meraikan Aidilfitri dimohon untuk sama-sama memainkan peranan membantu memastikan perjalanan berjalan lancar. Antara peranan pengguna ialah memastikan perjalanan dirancang menerusi jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA di Aplikasi PLUS atau Aplikasi MYJalan KKR pada musim perayaan bagi perjalanan 4 April hingga 15 April 2024.

9. Dengan memuat turun aplikasi MyPLUS-TTA ini pengguna digalakkan untuk merancang perjalanan dengan mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan atau *travel time advisory* (TTA) dengan memilih waktu perjalanan berdasarkan plaza tol masuk dan plaza tol keluar dan memilih waktu perjalanan yang bersesuaian.

10. Disamping itu, pengguna diseru untuk memastikan baki kad Touch 'n Go atau eWallet mencukupi dan bateri alat peranti pengimbas berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan, menggunakan mod pembayaran yang sama sewaktu masuk dan keluar di plaza tol dan sentiasa mengikuti perkembangan trafik terkini melalui aplikasi X @plustrafik, Aplikasi PLUS, Chatbot PUTRI, papan tanda elektronik sepanjang lebuh raya dan menerusi saluran stesen-stesen radio utama negara.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
29 MAC 2024